

2) PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

Adun : Y.B. Tuan Lwi Kian Keong (Sungai Pelek)

Kategori : Lisan

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Apakah status pemilikan perumahan PPRT Desa Kasih Taman Sri Merbau di Pekan Sungai Pelek?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai garis panduan atau cadangan untuk pemutihan tentang PPRT Desa Kasih Taman Sri Merbau, di Pekan Sungai Pelek?

Dijawab bersekali soalan (a) dan (b)

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang kini dikenali sebagai Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) (dahulu dikenali sebagai KPLB). Program ini bertujuan membantu golongan miskin tegar bina baharu atau membaik pulih rumah. Sehubungan dengan itu, projek PPRT adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri dan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri bersedia membantu ke arah penyelesaian kepada penduduk yang ditempatkan di PPRT Desa Kasih Taman Sri Merbau, di Pekan Sungai Pelek. Memandangkan Kawasan tersebut juga telah dirizabkan sebagai Kawasan PPRT seluas 2.833 hektar oleh Pejabat Daerah dan Tanah Sepang. Sehubungan dengan itu, saya memohon supaya Yang Berhormat dapat memberikan maklumat terperinci kepada saya berkenaan kediaman yang terlibat dan masalah yang berlaku bagi membolehkan pihak Kerajaan Negeri mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan berhubung penyelesaian perkara di atas.

